

01 OCT 2002

HEBER-BIOTEK/I

SYARIKAT CUBA DAN M'SIA BEKERJASAMA DALAM PERNIAGAAN BIOTEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Syarikat Malaysia, Bioven Holdings Sdn Bhd, telah membentuk perkongsian pintar dengan syarikat berpangkalan di Cuba, Heber Biotec S.A untuk sama-sama menyumbang kepada perkembangan perniagaan biotek di dalam negara.

Kedua-dua syarikat telah membentuk syarikat usahasama, Heber Bioven Sdn Bhd, di mana Bioven Holdings menguasai 70 peratus dan Heber Biotec 30 peratus.

Pengerusi Bioven Holdings, Mukhriz Mahathir berkata Heber Bioven akan mengambil-alih hak pengeluaran dan pengagihan untuk pelbagai produk dari Heber Biotec.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian perkongsian pintar hari ini yang menjurus kepada pembentukan Heber Bioven. Majlis itu disaksikan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Syarikat baru itu akan mempunyai modal berbayar permulaan RM10,000.

Chua berkata pakatan strategik itu akan meningkatkan perdagangan dua hala dan perhubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara dan memperbaiki lagi akses kepada ubat-ubatan yang mampu dimiliki dan berkesan dari segi kos.

Heber Biotec ialah syarikat Cuba yang mengkomersialkan produk-produk yang dibangunkan oleh Pusat bagi Genetik Kejuruteraan dan Bioteknologi di Havana, Cuba.

Syarikat Malaysia pula iaitu Bioven Holdings telah diperbadankan pada awal tahun 2002, untuk menyertai bidang bioteknologi Malaysia.

Pemegang saham Bioven Holdings ialah Mukhriz dan Johan Indot yang juga merupakan pengarah eksekutif.

"Kami mempunyai hasrat untuk mengedar produk iaitu dari rangkaian vaksin therapeutic hinggalah ke ubat-buatan bagi memulihkan penyakit," kata Mukhriz.

"Kami juga akan memasarkan produk-produk ini ke pasaran Asean dan Timur Tengah," tambah beliau.

"Heber Bioven juga akan membantu universiti tempatan di Malaysia untuk mempercepatkan lagi pemindahan projek R&D antara kumpulan Malaysia dan Cuba dalam bidang bioteknologi," kata beliau.

"Heber Bioven telahpun mengadakan perbincangan dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk mengendalikan percubaan klinikal ke atas ubat-ubatan yang telah dibangunkan di Cuba," kata Mukhriz. -- BERNAMA

CL SD AA